

Pilih Pelitup Muka Yang Berkesan Cegah COVID-19



Oleh: Nur Juhaila Abdul Jabar
Universiti Sains Islam Malaysia
Diterbitkan pada 23 Julai 2021

Pelitup muka, yang biasanya dipakai pada musim jerebu di negara ini, kini sudah dikategorikan sebagai barangan wajib dan paling penting dalam menghadapi musuh tidak nampak iaitu COVID-19.



Gambar Hiasan

Pemakaian pelitup muka menjadi kewajipan semua penduduk dunia sejak bermula pandemik COVID-19. Ia berfungsi sebagai pelindung kepada diri kita sendiri dan orang lain daripada tersebarnya virus yang boleh membawa maut.

Merujuk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 atau Akta 342, kompaun boleh dikenakan terhadap mana-mana individu yang didapati gagal memakai pelitup muka di tempat awam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menggalakkan penggunaan pelitup muka dalam kalangan orang ramai kerana terdapat bukti ia berkesan mengurangkan jangkitan wabak COVID-19.

Namun, sebahagian pelitup muka di pasaran yang sepatutnya menjadi melindungi pemakainya daripada virus tidak berfungsi seperti yang diharapkan.

Lebih membimbangkan, ramai yang menggunakan pelitup muka yang dibuat dengan bahan tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Sebaliknya, mereka menggunakan pelitup muka dengan pelbagai material yang tidak selamat bagi melindungi pemakainya. Pemilihan material yang salah ini sangat membahayakan pengguna.

Terdapat tiga ciri pelitup muka yang dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang perlu dipatuhi. Pertama, lapisan dalam berfungsi menyerap titisan cecair seperti kain daripada kapas atau campuran kapas.

Kedua, lapisan tengah bersifat menghinder penyerapan air dan diperbuat daripada bahan sintetik bukan tenunan seperti polipropilena atau lapisan kapas. Ini penting untuk meningkatkan penapisan atau menyerap titisan cecair.

Ketiga, lapisan luar perlu bersifat menghinder penyerapan air seperti polipropilena, poliester atau campuran kedua-duanya. Fungsinya adalah untuk mengehadkan pencemaran dari luar daripada menembus masuk ke hidung dan mulut pemakai.

Persoalannya adakah pelitup muka yang dipakai orang ramai sekarang menepati ciri-ciri tersebut? Segelintir peniaga dilihat mengambil kesempatan menjual pelitup muka tidak berkualiti dan hanya mementingkan gaya semata-mata.

Pelitup muka yang mempunyai pelbagai corak dan material tidak selamat dijual secara berleluasa. Sebagai contoh, pernah berlaku semasa awal pandemik, banyak pelitup muka yang dipulangkan ke China oleh beberapa buah negara kerana didapati tidak berkualiti.

Situasi ini sangat menyedihkan kerana pengguna pelitup muka tersebut turut melibatkan petugas barisan hadapan, pesakit, warga emas dan kanak-kanak.

Diharapkan pihak berkuasa dapat mengambil tindakan pelitup muka tidak berkualiti termasuk yang dijual dalam talian sebagai pengajaran kepada pihak-pihak yang hanya mementingkan faktor keuntungan semata-mata.

Iklan peniaga yang menayangkan pelitup muka yang cantik tanpa menitikberatkan keselamatan adalah sangat dikesali. Pengguna akan mudah tertarik pada rekaan tanpa berfikir panjang dan seterusnya tertipu.

Semata-mata kerana ingin bergaya, ada dalam kalangan kita tidak peduli pun dengan aspek keselamatan. Malah, penjual dan pengguna dilihat berbangga pula menayangkan pelitup muka tidak berkualiti tersebut kepada umum.

Bukan tidak boleh bergaya langsung tetapi ingatlah tujuan utama menggunakan pelitup muka. Pilihlah secara bijak dan teliti kerana standard keselamatan adalah nombor satu dan tidak boleh dikompromi dengan gaya.

Ingatlah, gaya tidak boleh membeli nyawa, tetapi individu bernyawa pasti boleh bergaya. Maka, utamakanlah nyawa terlebih dahulu.